



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Sekolah Sukan Malaysia Perlis

Kementerian Kewangan:

- (i) YBhg Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

**Perlantikan Kontraktor Projek Sekolah Sukan Malaysia
Perlis (Fasa 1) Pada Tahun 2012**

- (i) YBhg Dato' Fauziah Yaacob,
Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan

**Perlantikan Kontraktor Penyiap Projek Terbengkalai
Sekolah Sukan Malaysia Perlis (Fasa 1) Pada Tahun 2015**

- (i) YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, Mantan
Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Tempoh
perkhidmatan mulai 24.8.2012 hingga 14.6.2018)
- (ii) YBhg Dato' Hashimuddin bin Mohamad, Setiausaha
Bahagian Perolehan Kerajaan

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
ISNIN, 11 NOVEMBER 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Nurul Adila binti Hamdan [Jurubahasa Serentak (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Audit Prestasi Bahagian II, Sektor Audit Prestasi]
Tuan Ir Haji Othman bin Ibrahim [Pengarah Bahagian Teknikal]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Audit Negara**

YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin [Timbalan Pengarah Bahagian Susulan Audit, Sektor Audit Prestasi]

Puan Carolina Muyang Lileng [Timbalan Pengarah Audit Cawangan Audit Pendidikan, Sektor Audit Prestasi]

Encik Muhammad Syazwan bin Ramli [Penolong Pengarah Cawangan Audit Pendidikan]

Kementerian Kewangan (MoF)

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Jabatan Peguam Negara

Tuan Abd Aziz bin Engan [Peguam Kanan Persekutuan]

Puan Maarbalqish Maaroff [Peguam Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Puan Fadzillah binti Shamsuddin [Penolong Ketua Pesuruhjaya]

Puan Rozi binti Rahman [Penguasa Kanan]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi [MEA]

Y.Brs. Dr. Maziah binti Che Yusoff [Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

SAKSI**Kementerian Kewangan**

Y.Bhg. Dato' Othman bin Semail [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah [Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

Y.Bhg. Dato' Fauziah binti Yaacob [Mantan Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan)]

Y.Bhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan)]

Y.Bhg. Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan)]

Encik Wan Ahmad Zukri bin Wan Zakaria [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Isnin, 11 November 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.02 petang

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Okey, *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang kepada Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Naib Pengerusi PAC Parlimen, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen, ex-officio PAC Parlimen. Terima kasih kerana terus hadir dalam mesyuarat prosiding PAC Parlimen pada hari ini yang membabitkan Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis. Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, petang ini PAC Parlimen meneruskan prosiding Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis selepas kita mendengar penjelasan dan keterangan daripada Yang Berbahagia Dato' Dr. Gazali Abas yang merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah Mohamad selaku mantan KSU KPM pada sebelah pagi.

Hadir di hadapan PAC Parlimen sebentar sahaja nanti adalah Yang Berbahagia Dato' Othman bin Semail selaku Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan(Pengurusan) MoF yang mewakili Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Bersama-sama Dato' Othman adalah Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, mantan KSP, tempoh perkhidmatan antara 24 Ogos 2012 sehingga Jun 2018 berserta Yang Berbahagia Dato' Fauziah binti Yaacob, mantan Setiausaha, Bahagian Perolehan Kerajaan MoF. Tempoh perkhidmatan 31 Disember 2007 sehingga 15 November 2012.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, selepas kita mendengar penjelasan daripada KPM sebanyak dua kali termasuk pagi tadi, prosiding petang ini bersama MoF adalah penting kerana Jawatankuasa ini perlu mendapat input berhubung pelantikan kontraktor asal dan penyiap bagi Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis (SSM Perlis). Jadinya tanpa membuang masa, ada apa-apa lagi kah hendak komen daripada ex-officio? Hendak tambah kah, komen kah? Tidak ada apa ya? Jadinya kita bolehlah panggil saksi daripada MOF untuk masuk di hadapan PAC Parlimen.

[Saksi dari Kementerian Kewangan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Okey semua sudah ada, kita boleh mulakan. Hadir di hadapan PAC Parlimen pada petang ini adalah Yang Berbahagia Dato' Othman Semail selaku Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) Kementerian Kewangan yang mewakili Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir selaku Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, mantan KSP, tempoh perkhidmatan antara 24 Ogos 2012 sehingga Jun 2018 berserta Yang Berbahagia Dato' Fauziah binti Yaacob selaku mantan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan MoF. Tempoh perkhidmatan 31 Disember 2007 sehingga 15 November 2012. Ini betulkan fakta? Fakta ini ya.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Tan Sri dan juga Dato'-Dato' kerana memberi kerjasama kepada PAC Parlimen untuk hadir memberikan penjelasan dan keterangan di hadapan Jawatankuasa ini berhubung Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 1. Sebelum kita mulakan, izinkan saya memberikan sedikit penjelasan ringkas mengenai prosiding ini.

Pembinaan SSM Perlis diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 pada 6 April 2007 dengan siling peruntukan berjumlah RM76.60 juta. Walau bagaimanapun, projek ini hanya dapat dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, selepas kerajaan melaksanakan perolehan tanah seluas 26.71 hektar di Bukit Chabang, Titi Tinggi, Perlis. Berdasarkan kontrak asal yang dimeterai pada 26 Jun 2013, di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan syarikat bernombor pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia, 205536-U. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 18 bulan iaitu mulai 1 Februari 2013 sehingga 1 Ogos 2014 dan dilanjutkan sehingga 18 November 2014 melalui kelulusan lanjutan masa.

Walaupun bagaimanapun, peratus kemajuan projek pada tarikh sepatutnya siap pada 18 November 2014 hanya 49 peratus. Projek ini telah dikategorikan sebagai projek sakit melalui Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit dan kontrak ditamatkan pada 14 November 2014. Pada 11 Januari 2018, KPM atas arahan Kementerian Kewangan telah melantik semula syarikat 205536-U yang juga kontraktor asal untuk menyiapkan projek terbengkalai fasa satu dengan Setiausaha Bahagian BPP sebagai SO. JAN dalam rumusannya terhadap pengurusan Projek Pembinaan SSM Perlis berpendapat bahawa projek ini tidak dilaksanakan dengan cekap dan berhemat, terutamanya membabitkan pelantikan kontraktor asal, selain pelantikan semula kontraktor asal sebagai kontraktor penyiap yang menjadi punca utama kegagalan projek ini. Ini menyebabkan objektif projek yang ditetapkan tidak tercapai. Setakat 31 Disember 2018, kemajuan kerja penyiapan projek oleh kontraktor penyiap hanya 4.5 peratus berbanding 36 peratus yang dijadualkan iaitu kelewatan selama 230 hari.

Yang Berbahagia Tan Sri dan juga Yang Berbahagia Dato'- Dato' sekalian, PAC Parlimen memulakan prosiding ini pada 8 Oktober 2019 dengan memanggil KSU Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai pegawai pengawal projek ini. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa ini tidak berpuas hati dengan penjelasan KSU KPM kerana projek berkenaan bermula bukan pada tempoh perkhidmatan beliau.

■1510

Berikutan itu, PAC Parlimen memohon KSU KPM membawa mantan KSU KPM, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad (tempoh perkhidmatan: 2013-2016) bagi memberikan penjelasan dan keterangan berhubung isu ini. Jawatankuasa ini dimaklumkan bahawa KPM tidak mempunyai sebarang kuasa melantik kontraktor asal atau penyiap untuk projek SSM Perlis ini kerana hanya menerima arahan daripada MoF untuk melaksanakan tender terhad berdasarkan senarai kontraktor yang diberikan daripada MoF.

Tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Dato' Othman bin Semail untuk memulakan penjelasan mengenai isu pengurusan projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis. Dipersilakan Dato'.

Dato' Othman bin Semail [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) Kementerian Kewangan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad selaku Pengerusi PAC, semua Ahli PAC dan wakil-wakil jabatan yang hadir pada mesyuarat ini.

Terlebih dahulu, saya menyampaikan salam Yang Berbahagia Tan Sri KSP yang tidak dapat hadir pada petang ini sebab ada urusan di Pulau Pinang. Saya juga merakamkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah selaku mantan KSP yang hadir pada petang ini dan juga Yang Berbahagia Dato' Fauziah binti Yaacob selaku mantan TKSPI dan juga mantan SUB Bahagian Perolehan pada masa itu. Kemudian, hadir juga Yang Berbahagia Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz yang sekarang ini menjawat jawatan SUB Bahagian Perolehan Kerajaan, Yang Berbahagia Datin Rosni binti Mohd Yusoff selaku Timbalan Setiausaha Bahagian Operasi dan juga Encik Wan Ahmad Zukri bin Wan Zakaria selaku pegawai yang terlibat dalam seksyen yang melibatkan proses permohonan KPM.

Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis ini, Fasa 1, MoF terlibat dalam proses pelantikan kontraktor itu bermula daripada permohonan daripada syarikat sebenarnya, daripada KPM. Permohonan tersebut telah ditolak oleh MoF pada— tahun 2011 ya? *[Disampuk]* Tahun 2011.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Dato', apa maksud permohonan yang dimaksudkan?

Dato' Othman bin Semail: Permohonan daripada Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan secara tender terhadap, ditolak oleh MoF.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Itu bila?

Dato' Othman bin Semail: Tahun 2011.

Tuan Wong Kah Woh: Tahun 2011. Itu pertama kali ya?

Dato' Othman bin Semail: Yes. Pada 17 Jun 2011.

Tuan Pengerusi: Okey. Maksudnya, ada permohonan masuk daripada KPM meminta supaya projek ini dibuat secara tender terhadap, tetapi...

Dato' Othman bin Semail: Ditolak.

Tuan Pengerusi: ...Ditolak oleh MoF.

Dato' Othman bin Semail: Untuk dilaksanakan secara tender terbuka.

Tuan Wong Kah Woh: Ha?

Dato' Othman bin Semail: Kita cadang supaya dilaksanakan secara tender terbuka.

Tuan Pengerusi: MoF mencadangkan supaya projek ini dibuat secara tender terbuka. Okey. Selepas itu?

Dato' Othman bin Semail: Selepas itu, ada permohonan daripada syarikat pada tarikh...

Tuan Pengerusi: Syarikat itu siapa nama dia? Syarikat tersebut.

Dato' Othman bin Semail: Ada permohonan daripada syarikat Bumi Jelapang Corporation Sdn Bhd.

Tuan Pengerusi: Syarikat ini syarikat mana ini?

Dato' Othman bin Semail: Bumi Jelapang Corporation Sdn Bhd, dia mengemukakan permohonan kepada mantan Perdana Menteri— syarikat dari Kedah— untuk melaksanakan secara tender terhadap juga.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Othman bin Semail: Kemudian, Kementerian Kewangan telah— surat kelulusan permohonan ini— pada prinsipnya telah dipersetujui, tetapi tidak dikeluarkan surat keputusan itu kerana pada masa itu ada rayuan daripada Menteri Pendidikan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya?

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Wong Shu Qi: Bolehkah PAC dapatkan surat yang diajukan kepada mantan Perdana Menteri iaitu surat daripada syarikat Bumi Jelapang itu?

Dato' Othman bin Semail: Ada, ada.

Puan Wong Shu Qi: Ada ya? Boleh kita dapat salinan tidak?

Dato' Othman bin Semail: Boleh.

Tuan Pengerusi: Okey. Jadinya, syarikat ini, dia kemudian dia *approached* MoF dan kemudian MoF...

Dato' Othman bin Semail: Dia *approached*...

Tuan Pengerusi: Untuk buat tender terhadap?

Dato' Othman bin Semail: Yes.

Tuan Pengerusi: Dan dipersetujui oleh MoF pula?

Dato' Othman bin Semail: Sebelum itu kita tolak.

Tuan Pengerusi: Okey, sebelum itu ditolak. Syarikat yang sama juga *apply* tetapi ditolak dan kemudian diterima pula?

Dato' Othman bin Semail: Ya. Kemudian kita angkat secara dalamanlah untuk mendapatkan keputusan, sama ada dilulusi atau tidak.

Tuan Pengerusi: Dalaman kepada?

Dato' Othman bin Semail: Kepada Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi: Menteri Kewangan, okey.

Dato' Fauziah binti Yaacob [Mantan Setiausaha Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan]: Boleh saya tambah? Tuan Pengerusi, surat permohonan yang dikemukakan oleh syarikat Bumi Jelapang Corporation Sdn Bhd bertarikh, tidak silap saya, bulan Ogos 2011, itu 13 Ogos 2011 ialah permohonan pertama syarikat yang mana permohonan itu kita angkat kepada Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan dan ditolak pada masa itu. Selepas itu, syarikat yang sama juga merayu supaya mereka juga dipertimbangkan. Pada masa yang sama, kita juga telah menolak permohonan daripada Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan projek secara tender terhadap. *Actually*, syarikat Jelapang ini *applied first time* kita tolak, *second time* kita terima dan juga kita melihat secara keseluruhan permohonan-permohonan yang diterima daripada KPM dan juga Menteri Pendidikan pada masa itu.

Tuan Pengerusi: Okey. Oleh sebabnya, kita tengok, kita dapati bahawa 10 nama yang dicadangkan oleh Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia pada ketika itu telah ditolak. Ada 10 nama kan?

Dato' Othman bin Semail: Ya, 10.

Tuan Pengerusi: Ha, 10 nama. Akan tetapi kemudian, kita dapati pula bahawa...

Dato' Othman bin Semail: Ada permohonan daripada pihak lain.

Tuan Pengerusi: Ya, ada permohonan daripada yang lain dan diterima pula oleh MoF bersama dengan tujuh syarikat yang lain yang mana tujuh syarikat ini tidak ada kena-mengena lagi dengan 10 syarikat cadangan daripada KPM itu. Boleh tidak beri penerangan mengenai perkara ini?

Dato' Othman bin Semail: Itu permohonan yang dikemukakan oleh syarikat kepada mantan Perdana Menteri pada masa itu. Jadi, dia hantar kepada MoF untuk kita pertimbangkan. Akan tetapi, sebagaimana jawapan Dato' Fauziah tadi, kita tolak. Kita tolak, kemudian dia buat rayuan. Dia buat rayuan, so bila dia buat rayuan, dalam masa yang sama, Menteri Pendidikan pun buat rayuan terhadap...

Puan Wong Shu Qi: Maaf. Siapa yang buat rayuan itu? Syarikatkah?

Dato' Othman bin Semail: Syarikat itu membuat rayuan, Menteri Pendidikan pun buat rayuan terhadap yang kita tolak yang 10 dahulu.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Selepas itu apabila kedua-dua masuk rayuan, apa terjadi? Tadi kata ada urusan dalaman.

Dato' Othman bin Semail: Ya. Kita angkat memorandum kepada Menteri Kewangan untuk diputuskan. So, Menteri Kewangan memutuskan syarikat yang dipertimbangkan ialah syarikat baharu yang dicadangkan oleh Jelapang tadi, berlainan daripada syarikat asal.

Puan Wong Shu Qi: Justeru, keputusan ini diambil oleh Menteri Kewangan ketika itu?

Dato' Othman bin Semail: Ya. Melalui memorandum yang kita angkat.

Tuan Pengerusi: Selepas itu, dia ada tujuh syarikat. Kali pertama dicadangkan bersama tujuh syarikat. Kali kedua dicadangkan bersama dengan lima syarikat.

Dato' Othman bin Semail: Itu pun semua kita angkat untuk keputusan Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi: Jadinya, yang akhirnya, apa yang terjadi?

Dato' Othman bin Semail: Apa yang terjadi, dia putuskan tujuh syarikat untuk dipertimbangkan.

Tuan Wong Chen [Subang]: Dato', saya hendak tanya Dato' tentang rayuan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan pada masa itu. Apakah bentuk rayuan tersebut?

Dato' Othman bin Semail: Untuk menimbang semula penolakan MoF terhadap 10 syarikat yang asal itu.

Tuan Wong Chen: Secara positif ataupun negatif? Menolak ataupun menyokong?

Dato' Othman bin Semail: Kita pada asalnya kita tolak. Prinsipnya kita tolaklah. *[Disampuk]* Surat Menteri itu, dia mintalah.

Tuan Wong Chen: Maknanya Menteri itu mintalah? Mintalah— sokonglah?

Dato' Othman bin Semail: Macam itulah. Dia mintalah. Dia minta, maknanya kita kena pertimbangkanlah. Dia memohon untuk rayuan. Selalunya orang tidak buat rayuan kalau dia tidak sokong.

Tuan Wong Chen: Jadi, *at all material time*, adakah bahagian kewangan membuat apa-apa rayuan ataupun *direction*?

Dato' Othman bin Semail: Bahagian kewangan mana, Yang Berhormat?

Tuan Wong Chen: *Ministry of Finance (MoF)*.

Dato' Othman bin Semail: MoF akan angkat apa-apa pun rayuan dan sebagainya untuk pertimbangan Menteri Kewangan. Oleh sebab dalam hal ini, memang kuasa Menteri Kewangan sahaja yang boleh memutuskan.

■1520

Ini sebab ianya bukan ada dalam spesifik. Ia adalah tender terhad yang tidak spesifik. Maksudnya, hanya kuasa Menteri Kewangan sahaja yang boleh memutuskan. So, prosesnya kita angkat balik kepada pemutuslah.

Tuan Pengerusi: Mengapa 'Permatang' ini yang dipilih?

Seorang Ahli: Jelapang.

Dato' Othman bin Semail: Jelapang.

Tuan Pengerusi: Maaf. *[Ketawa]* Tidak tahu. Jelapang ini yang dipilih?

Dato' Othman bin Semail: Dipilih sebab permohonan dia kepada Perdana Menteri dan kita angkat untuk pertimbangan Perdana Menteri lah sebab ada banyak rayuan. Ada rayuan daripada Menteri Pendidikan dan juga rayuan daripada syarikat ini juga. So...

Tuan Wong Kah Woh: Bukan banyak rayuanlah. Ada dua rayuan sahaja kan?

Dato' Othman bin Semail: Ada dua rayuan.

Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [Setiausaha Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan]: Kita setuju senarai... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Kah Woh: Boleh *put on the microphone*?

Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz: *Sorry*. Kementerian Kewangan berdasarkan itu, Menteri Kewangan luluskan senarai 10 syarikat yang baharu ya. Tujuh syarikat.

Seorang Ahli: Tujuh.

Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz: Ya, pulang balik kepada kementerian, semasa itu Kementerian Pelajaran. *Tender board* dia yang akan buat *evaluation on* keputusan akhir itu.

Tuan Pengerusi: Maknanya *tender board*, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan, KPM lah yang membuat keputusan akhir. Okey, tetapi tadi dalam prosiding pagi tadi dimaklumkan bahawa keputusannya adalah MoF.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Dimuktamadkan di peringkat MoF. Akan tetapi penilaian ke atas syarikat-syarikat yang masuk bertanding tender itu dinilai di peringkat Kementerian

Pelajaran. Perakuan daripada KPM sendiri kepada MoF untuk peraku *which company*. Kita muktamadkan keputusan itu di peringkat MoF.

Tuan Pengerusi: Okey. Jadinya ini daripada MoF kata. Akan tetapi tadi KPM mengatakan bahawa dia telah membuat rayuan dan banyak kali dia berkomunikasi menyatakan sebab-sebab mengapa syarikat itu tidak harus dipilih dan dia tidak setuju sama sekali dengan keputusan MoF mencadangkan tujuh buah syarikat tersebut terutamanya yang Jelapang. Ini disebabkan - dia ada komen lagi dalam *audit report* mengatakan bahawa "*...Syarikat tersebut tidak memiliki pengalaman kerja berbanding dengan projek berdasarkan lima tahun pengalaman projek lalu*". Jadinya, menunjukkan bahawa keputusan memilih syarikat ini adalah MoF. *Solely* MoF.

Dato' Fauziah binti Yaacob: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Syarikat yang dibawa oleh syarikat Bumi Jelapang Corporation itu termasuk dia, tujuh buah syarikat. Selepas dinilai kesemua tawaran daripada tujuh buah syarikat itu, selepas di tender di kalangan tujuh buah syarikat itu yang dipilih bukan syarikat ini. Syarikat yang dipilih ialah syarikat lain kalau tidak silap saya.

Tuan Wong Kah Woh: Pantas Technologies.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Pantas Technologies, yang berjaya Pantas Technologies, yang membawa kes kepada Menteri Kewangan itu, syarikat Bumi Jelapang Corporation Sdn. Bhd.

Dato' Othman bin Semail: Yang Berhormat, selepas diputuskan tujuh buah syarikat tadi, *the next step* berikutnya ialah Kementerian Pendidikan kena panggil tender. *Then* daripada itu dia kena nilailah petender-petender itu.

Tuan Wong Kah Woh: Cuma ada satu persoalan lagi. Kenapa Bumi Jelapang Corporation ini, apakah *locus* dia untuk membawa syarikat-syarikat lain, satu senarai syarikat untuk dipertimbangkan oleh Menteri Kewangan?

Dato' Othman bin Semail: Itu kita tidak tahu sebab dia yang tulis sendiri kepada Perdana Menteri.

Tuan Wong Kah Woh: Sama ada kesemua ini adalah biasanya berlaku ataupun luar biasa? *So, it is in the practice?*

Dato' Fauziah binti Yaacob: Keadaan ini berlaku. Banyak kali berlaku, sama ada dibawa oleh syarikat sendiri ataupun melalui orang-orang tertentu. *This has happened before.*

Tuan Pengerusi: Siapa tuan punya Jelapang ini?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dato' Othman bin Semail: Mohd. Fauzi bin Abd Kadir sebagai Pengarah Eksekutif. Ya, Mohd. Fauzi bin Abd Kadir.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Dato', ini kalau masa lantikan semulalah. Bila lantikan semula, lantikan semula syarikat yang sama juga yang dapat, mengapakah perkara itu terjadi? Apabila sesebuah syarikat itu dilihat tidak menepati masa ataupun dia *failed to do their job properly*, bukankah dia ada proses menyenaraihitamkan syarikat tersebut? Adakah ini telah diambil tindakan kepada syarikat yang mendapat projek untuk Sekolah Sukan Perlis ini?

Dato' Othman bin Semail: Senarai hitam tidak ada di Kementerian Kewangan. Senarai hitam ada di CIDB, sebab kita tidak mendaftarkan syarikat-syarikat *construction*. Kita hanya mendaftarkan syarikat-syarikat bekalan dan perkhidmatan. Jadi sepatutnya kementerian kena hantar maklumat itu kepada CIDB untuk proses tindakan berikutnya.

Tuan Pengerusi: KPM?

Dato' Othman bin Semail: Yes.

Tuan Pengerusi: KPM menyatakan di dalam prosiding pagi tadi bahawa dia telah maklumkan kepada Kementerian Kewangan dan terserah kepada Kementerian Kewangan...

Dato' Othman bin Semail: Tidak...

Tuan Pengerusi: Untuk menentukan. Yang mana satu ini? Kementerian lain, cakap lain, kementerian ini cakap lain pula ini.

Dato' Othman bin Semail: Proses berikutnya hendaklah dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk memaklumkan kepada CIDB bahawa syarikat ini telah dicadangkan untuk diambil tindakan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Othman bin Semail: Oleh sebab dia pelaksana projek.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya? Dalam dokumen yang dikemukakan kepada PAC bagi surat bertarikh 15 Ogos 2011 itu, ada satu ayat kata bahawa "*Justeru dipanjangkan permohonan beliau beserta dengan minit Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertarikh 13 Ogos*". Boleh saya tahu, sama ada dokumen minit itu bersama dengan Tan Sri atau Dato' yang sekarang?

Tuan Wong Kah Woh: Muka surat seterusnya.

Puan Wong Shu Qi: Oh! Seterusnya, 13, minit?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Wong Shu Qi: Bukan, itu 12. *[Disampuk]* Oh! Okey, okey. Terima kasih.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Cuma bila melantik semula syarikat ini, saya masih tidak puas hati sebab KPM tadi memaklumkan bahawa bila dilantik semula syarikat yang sama, mereka telah

berapa kali dia *ding-dong, ding-dong* dan *even* dia katakan bahawa dia ada menghantar surat kepada Kementerian Kewangan untuk menyatakan ketidakpuasan hati syarikat ini dilantik semula. Akan tetapi kenapa Kementerian Kewangan terus juga melantik syarikat ini? Ini persoalan utama kita dalam kes ini. Syarikat yang sama itu dilantik untuk menyiapkan satu projek yang dia tidak siapkan.

Dato' Othman bin Semail: Kita melantik semula syarikat PTSB untuk melaksanakan projek Sekolah Sukan Malaysia, fasa 1 Perlis ini melalui surat MoF bertarikh 16 Jun. Berdasarkan pandangan bahawa notis penamatan yang telah dikeluarkan oleh KPM kepada syarikat ini bertarikh 14 November 2014, dikhuatiri tidak teratur dan akan memberi implikasi perundangan kepada kerajaan. KPM dilihat gagal untuk memantau pelaksanaan projek ini dengan rapi dan menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab dan pemantauan projek kepada pihak perunding projek.

■1530

Pegawai penguasa bagi projek ini adalah pegawai pengawal dan tiada penurunan kuasa diberi kepada mana-mana wakil SO dalam menjalankan peranan sebagai wakil kerajaan.

Tuan Pengerusi: Dokumen itu boleh bagi pada kita tidak? Dokumen yang perundangan punya nasihat.

Dato' Othman bin Semail: Tidak ada. Kita tidak ada perundangan punya nasihat sebab berdasarkan kepada pengalaman SO yang memproses permohonan ini, antara sebabnya Yang Berhormat ialah dia memohon EOT, nombor dua, tetapi tidak dipertimbangkan. Sedangkan ada melibatkan kerja-kerja TNB dan TM di tapak projek. Jadi, biasanya disebabkan oleh kelewatan agensi-agensi utiliti, ini bukannya kesalahan kontraktor.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi lambat sangat siapnya, ya Allah.

Dato' Othman bin Semail: Ya, KPM mengambil masa Yang Berhormat untuk mengambil tindakan [*Tidak jelas*] MoF itu - ada yang – kalau ikut surat kita pada 14 Mac 2017, ia mengambil masa sembilan bulan untuk mengambil tindakan terhadap surat-surat yang MoF keluarkan.

Tuan Pengerusi: Lapan bulan daripada surat...

Dato' Othman bin Semail: Sembilan bulan.

Tuan Pengerusi: Sembilan bulan daripada MoF kepada *utilities*-lah ya? Ini *utilities*-lah ini?

Dato' Othman bin Semail: Bukan, bukan. Dia dalam – apabila dia hendak tamatkan kontraktor itu, dalam itu dia *mentioned* bahawa kontraktor ini minta EOT nombor dua tetapi dia tidak ditimbang. Apabila dia tidak timbangkan, kalau berlaku penamatan, ia akan jadi *wrongful termination*. Jadi, itu tidak dijelaskan oleh pihak KPM. Jadi, kita berpandangan kalau di

mahkamah nanti ada isu *wrongful termination*, kerajaan akan menanggung banyak masalah. Itu isunya.

Jadi, itu sebabnya kita masih mengekalkan lagi supaya diteruskan dengan kontraktor ini, selepas itu barulah KPM mengambil tindakan secara *proper* untuk proses penamatan. Itu sebab kita keluarkan lagi satu surat selepas rayuan-rayuan dia itu supaya ditawarkan semula kepada syarikat pada harga sekian tetapi kalau kontraktor tidak setuju, baru buat penamatan.

Tuan Wong Kah Woh: Dato', saya ingin kembali kepada proses lantikan ataupun proses permohonan tender terhadap itu. Dokumen yang diberikan kepada kami adalah surat daripada Pejabat Perdana Menteri yang *last*-nya bertarikh 5 Januari 2012. Saya nampak pada 3 Januari 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu ada menyatakan Yang Berbahagia Dato' Fauziah, sila bincang dengan saya. So, itu merupakan minitlah. So, tidak ada apa-apa catatan minit berkenaan dengan kelulusankah atau keputusankah? Boleh atau tidak Dato' Fauziah bagi pencerahan apa yang berlaku selepas Januari 2012? Itu nombor satu. Nanti saya ada satu soalan susulan lagi.

Seorang Ahli: Okey, Dato.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Apabila diarahkan untuk semak – minta - *former* Menteri Kewangan suruh saya semak untuk pertimbangan, sila proses. Selalunya saya akan buat *paper* memorandum kepada Menteri Kewangan. Selalunya kita tidak menyokong untuk buat secara tender terhadap. Kita kalau boleh kita hendak secara tender terbuka.

Tuan Wong Kah Woh: No. Soalan saya Dato' Fauziah adalah berkenaan dengan apa yang terjadi selepas 5 Januari 2012? Ada surat itu atau tidak? Surat daripada pejabat Perdana Menteri bertarikh 5 Januari yang diajukan kepada Dato' Fauziah berkenaan dengan rayuan permohonan tender terhadap. So, selepas itu apa terjadi? Sepatutnya – sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat keputusan, sudah tentu beliau akan minit di mana-mana, kan?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Ini kita proses permohonan. Surat yang bertarikh 5 Januari, kita proses. Kita angkat memo kepada Menteri Kewangan...

Seorang Ahli: Pada 20 Januari.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Pada 10 Januari 2011.

Tuan Wong Kah Woh: 10 Januari? Dokumen, *you* ada?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Dokumen itu ada, ada di sini.

Beberapa Ahli: Memorandum?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Memorandum itu saya tidak tahu sama ada diberi atau tidak.

Tuan Wong Kah Woh: Tidak ada.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Memorandum bertarikh 10 Januari yang mana kita kekalkan keputusan tender terbuka dan tidak luluskan permohonan daripada syarikat.

Tuan Wong Kah Woh: Sekejap ya. Oh, ada. Memorandum di sebelah – okey, 10 Januari 2012...

Dato' Fauziah binti Yaacob: Perakuan kita.

Tuan Wong Kah Woh:...melalui Tan Sri Dr. KSP. Okey.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Perakuan yang kita buat ialah untuk tidak meluluskan dan kekalkan dengan keputusan tender terbuka. Walau bagaimanapun, kita telah beri tiga opsyen kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Beliau meluluskan - tender ini diberi kepada syarikat - dan dicadang tambah lagi dua buah syarikat daripada Perlis.

Tuan Wong Kah Woh: So, opsyen tiga. Opsyen empat telah pun diluluskan.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Empat opsyen.

Tuan Wong Kah Woh: Diluluskan kepada syarikat yang dicadangkan dan ditambah dua lagi daripada Perlis. Maksudnya lima tambah dua?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Tujuh.

Tuan Wong Kah Woh: Tujuh.

Tuan Pengerusi: Tujuh buah syarikatlah?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Tujuh buah syarikat.

Tuan Wong Kah Woh: So, itu keputusan daripada Yang Amat Berhormat dan boleh atau tidak saya dapatkan apa yang terjadi dengan rayuan daripada Yang Berhormat Menteri KPM itu?

Seorang Ahli: Dia datang kemudian.

Tuan Wong Kah Woh: Dia datang kemudian?

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Ini kerana kedua-dua rayuan masuk sekali kan?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Rayuan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran bertarikh 25 Oktober 2011. Yang ini...

Tuan Wong Kah Woh: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Fauziah binti Yaacob: 2011 dan juga kita angkat memo kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana kita telah...

Dato' Othman bin Semail: Yang Berhormat, ada sikit di situ. Keputusan yang Perdana Menteri *mentioned* itu, kita tidak keluar surat. Tidak sempat keluar surat, datang lagi rayuan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Jadi, itu tidak keluar surat.

Tuan Wong Kah Woh: Akan tetapi rayuan Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah pada 25 Oktober kan?

Dato' Othman bin Semail: Yes, yes.

Tuan Wong Kah Woh: Itu sebelum.

Dato' Othman bin Semail: Akan tetapi dia hantar kepada kita kemudian.

Tuan Wong Kah Woh: Ya?

Dato' Othman bin Semail: Kemudian. Okey...

Tuan Wong Kah Woh: Boleh atau tidak Dato' Fauziah teruskan apa rayuan 25 Oktober 2011? Apa itu?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Kita angkat memo kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana kita telah mencadangkan syarikat-syarikat yang di – kita juga telah beri opsyen kepada...

Tuan Wong Kah Woh: Memo itu diangkat pada bila?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Memo kita angkat pada 15 Februari 2012.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Soalan saya, kenapa rayuan masuk pada 25 Oktober 2011 dan memo hanya diangkat lebih kurang empat bulan selepas itu?

Dato' Othman bin Semail: Kita terima.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Surat daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran bertarih – sekejap ya, 25 Oktober 2011. Kita terima surat daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran 3 Februari 2012.

Tuan Wong Kah Woh: 2012.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Saya terima pada 8 Februari 2012.

Tuan Wong Kah Woh: Apa yang terjadi dengan surat itu untuk masa tiga bulan? Nampaknya rayuan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran masuk terlebih dahulu tetapi tidak diproses.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Tidak, kita terima 8 Februari. *Physical letter* datang pada kita 8 Februari.

Tuan Wong Kah Woh: Ya, *correct*. *Then what will happen if the letter dated 25 October?* Dia orang *backdated letter* atau bagaimana?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Ini saya tidak pasti apa yang telah terjadi tetapi dapat kepada kita, tarikh itulah, 8 Februari.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, saya telah diserahkan satu surat bertarih 25 Oktober 2011, surat daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan diterima oleh Pejabat Menteri Kewangan pada 27 Oktober 2011. *What has happened?*

Dato' Fauziah binti Yaacob: Akan tetapi apa yang telah terjadi, surat ini diterima pada 8 Februari dan telah – surat ini pergi ke Bahagian Belanjawan, tidak terus kepada saya. Daripada Bahagian Belanjawan turun kepada saya.

Puan Wong Shu Qi: Adakah ini maksud bahawa surat ini terus diajukan kepada Pejabat Menteri Kewangan ketika itu dan melalui beberapa agensi dalaman baru sampai ke Dato' Fauziah?

■1540

Dato' Fauziah binti Yaacob: Betul, diterima oleh Pejabat Menteri Kewangan pada 27 Oktober, tetapi sampai ke bahagian saya pada 8 Februari. Transit di Bahagian Belanjawan.

Tuan Wong Kah Woh: So, apa yang terjadi semasa transit itu?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Surat itu pergi ke Bahagian Belanjawan.

Tuan Wong Kah Woh: Dato', apa yang saya nampak pelik tau, surat rasmi daripada Kementerian Pendidikan boleh transit banyak tempat, tetapi surat daripada syarikat persendirian boleh terus sampai kepada Perdana Menteri.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Tidak ada *hanky-panky* di sini, Yang Berhormat. Oleh sebab apa yang terjadi saya rasa, Pejabat Menteri Kewangan mungkin silap hantar surat itu ke pejabat Bahagian Belanjawan. Itu yang saya nampak lah.

Tuan Wong Kah Woh: Pelik lah.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Ini selalu terjadi ini, salah *address* ini. *Address* dah betul, tetapi salah letak lah surat ini.

Tuan Wong Kah Woh: So, selepas rayuan diproses, apa terjadi kepada memo yang dihantar kepada Yang Amat Berhormat pada 15 Februari 2012?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: So, itu telah pun terlepas dari tarikh yang mana keputusan telah pun dibuat awal.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Kita masukkan semua syarikat yang telah kita cadangkan dahulu, kita masuk semua sekali, termasuk rayuan daripada Menteri Pelajaran. Di sini, kita telah angkat sebanyak 17 syarikat...

Tuan Pengerusi: Sepuluh campur tujuh lah?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Sepuluh campur tujuh dan juga kita bagi opsyen...

Tuan Pengerusi: Angkat ke mana? Memorandum...

Dato' Fauziah binti Yaacob: Memorandum daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kita bagi opsyen, opsyen yg dipilih ialah opsyen tiga untuk mengambil tujuh syarikat yang disenaraikan.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Boleh tak minta sesalinan daripada memorandum yang baharu itu?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Boleh, boleh.

Tuan Wong Kah Woh: *Then*, kita boleh *check*.

Tuan Pengerusi: Saya cuma nak tanya, syarikat ini syarikat siapa ini? Pantas, Syarikat Pantas itu.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Pantas itu saya tak pasti siapa *owner* dia. Kita tak tahu. Kita tak tahu siapa pemilik dia.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab, KPM dia *insisted that* MoF yang bagi.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Syarikat yang tujuh itu datang terus kepada Menteri Kewangan. Jadi bila dah – setelah proses kita buat ini, dia lantik tujuh syarikat yang disenaraikan itu, kita serah kepada KPM untuk menilai tawaran daripada syarikat. Semua syarikat diminta untuk mengemukakan tawaran tender, harga berapa yang dia boleh buat *based on scope of work* itu. Jadi yang di kalangan tujuh itu, Pantas itu yang dipilih, diperakukan kepada MoF, Pantas.

Dato' Othman bin Semail: Selepas sahaja yang terakhir memorandum yang kita buat pada Menteri Kewangan, selepas dicantumkan semua senarai apa semua itu, kemudian dia pilih yang opsyen tiga tadi itu, maknanya tujuh syarikat. Tujuh syarikat itu kita pulangkan balik kepada Kementerian Pendidikan untuk dibuat proses tender terhad. So, dia melalui proses tender terhad lah. Tender, di mana dia menilai dan akan cadangkan balik kepada kita, syarikat mana yang dia cadangkan berdasarkan kepada senarai yang lulus tadi itu.

Tuan Wong Chen: Maknanya KPM yang pilih Pantas? Betul kah?

Dato' Othman bin Semail: Yes. Penilaian daripada Lembaga Perolehan Kementerian Pendidikan. Syaratnya kita minta muktamadkan di Kementerian Kewangan sebab senarai itu datang daripada keputusan Menteri Kewangan, *then* kita minta dimuktamadkan selepas dia

membuat proses penilaian tender itu, dia kena hantar kepada Kementerian Kewangan, kita muktamadkan. So, proses di Kementerian Kewangan adalah memuktamadkan apa yang disyorkan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Wong Chen: Akan tetapi setahu saya, KPM memang tak gembira dengan prestasi Pantas. Jadi macam mana dia boleh pilih balik itu?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Pilihan lantikan semula. Lantikan semula itu, saya tak terlibat.

Dato' Othman bin Semail: Lantikan semula.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Othman bin Semail: Saya cakap tadi sebab bila dia datang balik untuk proses penamatan, kan saya cakap tadi, proses penamatan itu pada pandangan kita tidak teratur. Kita takut nanti *wrongful termination*. Itu sebab kita putuskan supaya lantik semula dengan ada syarat. Selepas itu kalau syarikat tak setuju, boleh ditamatkan.

Tuan Wong Chen: Baik, baik Dato' Othman. Okey. Dato' Othman, memang *it's your right to worry about the wrongful termination*. Saya nak tanya sama ada *Federal Council* ataupun ahli *Attorney General* beri nasihat tentang isu *wrongful termination*?

Dato' Othman bin Semail: Yang itu tak ada.

Tuan Wong Chen: *Therefore that is based on your own personel fear, is it?*

Dato' Othman bin Semail: *No*, daripada perakuan pegawai yang memang terlibat dalam proses itu dan mereka ini memang dari semasa ke semasa melihat proses-proses ini.

Tuan Wong Chen: Akan tetapi projek ini memang *problem*. Betul? Tidak dinafikan projek ini memang *problem*. Tidak *delivery*, ada isu tentang kualiti, semua ada *problem*. Memang fasa pertama kita cakap ini. *Therefore, shouldn't it be prudent of the government to get the consultation of the Federal Council* ataupun *Attorney General*, sama ada kita boleh tamatkan dengan baik atau tidak?

Dato' Othman bin Semail: Itu sebab prosesnya, kita bagi balik kepada KPM supaya *this is the amount* yang kita hadkan dan kalau dia tak terima, prosesnya tak terima, dia boleh buat *termination*, then prosesnya berjalan lah untuk proses *termination*. Oleh sebab dia dah lihat isu-

isu yang kita terangkan tadi dari segi isu-isu EOT nombor dua itu. Oleh sebab dia tak *mentioned* dalam itu, ada EOT nombor dua, ada isu dengan utiliti punya *company* dan sebagainya.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Okey Dato. Lazimnya apabila sesuatu projek yang telah ditamatkan, kontraktor asal tidak akan dipertimbangkan semula melainkan ada sebab-sebab tertentu. Dato' ada sebut tadi tentang kita takut nanti ada *wrongful dismissal*, *[Disampuk]* *wrongful termination*. Akan tetapi kita mesti ada satu asas yang paling baik sekali, yang boleh kita anggap bahawa kita boleh pertimbangkan semula syarikat asal. Bahkan kita mempunyai banyak cadangan, Kementerian Pendidikan ada cadangan 10, daripada Kementerian Kewangan ada 5, kita ada 15. Maknanya, kenapakah syarikat yang telah mempunyai masalah, kita pertimbangkan semula. Mesti ada satu sebab-sebab yang amat baik.

Dato' Othman bin Semail: Kita kluatir itu sahaja, takut *wrongful termination*. Jadi bila kita takut *wrongful termination* itu, keputusan yang dibuat kita kembalikan balik kepada KPM untuk melihat balik isu-isu ini. Kemudian, kalau dia dapati tidak ada isu *wrongful termination*, dia kena datang balik kepada Kementerian Kewangan. Akan tetapi proses seterusnya diambil tindakan oleh KPM.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Semasa KPM datang tadi, mantan KSU dia ada sebut. Saya ada tanya dia. Ada tak buat bantahan tentang cadangan untuk melantik semula syarikat asal. Dia kata ada. Dia kata ada tak tentang *wrongful termination* ini? Dia kata isu tidak timbul tetapi dia terperanjat yang kenapakah syarikat asal dilantik semula. Mesti ada satu sebab-sebab yang lain.

Dato' Othman bin Semail: Pada pandangan kita, tak ada sebab lain. Oleh sebab dia adalah kita kluatir takut penamatan secara tidak teratur.

Tuan Wong Chen: Baik Dato'. Pertama, kita dah dengar tadi *the MoF* tidak *consult* sama ada isu ini tentang *wrongful termination* dengan *Attorney General*, betul? Kedua, pegawai, baharu di belakang beritahu saya, kalau kita takut *wrongful termination*, maknanya kita *continue* lah kontrak asal. Kenapa kemukakan kontrak baharu? *You understand? You actually did terminate. Even though you feared termination, you did terminate by issuing a completely new contract. So, it makes no sense, your explanation. I mean I know you were not involved at that time. But, it's not consistent.*

■1550

You did not consult lawyer, whether this fear is real or imaginary. Number two, you did not continue the original contract but you issued a completely new contract. Can you explain?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya tengok kali kedua, syarikat yang sama mendapati ada masalah lagi. Masalah dia lagi besar lagi. Maknanya kalaulah kita kata *wrongful termination* itu daripada asas tidak tepatlah. Kalau orang buat silap sekali, ini silap dua kali. Kali kedua ini.

Tuan Wong Chen: Ya, *but never mind, let them answer* kalau boleh. Okey, baik soalan saya senang. *Was there a mutual termination?* Maknanya *both* kontrak asal, *was it terminated or both sides agreed*, kita *walk out of this deal, mutual termination and then do a completely new contract*. Ada dokumen tidak menunjukkan bahawa ini telah berlaku? *Please use the microphone* ya, pegawai itu.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan) Kementerian Kewangan]: Memang *actually* kita melantik semula syarikat itu secara rundingan terus dan membuat kontrak yang baharu dengan kontrak...

Tuan Wong Chen: Nama puan apa? Sebab kita kena masuk rekod dalam itu.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Saya Datin Rosni binti Mohd Yusoff, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan.

Tuan Wong Chen: Jadi maknanya kita betul-betul sudah *terminate* lah? Prosesnya *terminate*, kita runding semula, betul tidak? Jadi *explanation* yang kita takut, *wrongful termination* semua ini memang *is not* – tidak ada *basis* sebenar. Betul tidak?

Tuan Pengerusi: Oleh sebab ia adalah kontrak baharu.

Puan Wong Shu Qi: Maaf Tuan Pengerusi...

Tuan Wong Chen: *Let them answer* dulu.

Puan Wong Shu Qi: Okey.

Tuan Pengerusi: Jadinya apa pandangan, apa yang tadi Yang Berhormat Subang nyatakan mengenai *there is no such thing as...* tidak ada, fasal *wrongful termination*.

Dato' Othman bin Semail: Dia macam ini Tuan Pengerusi. Selepas keputusan Kementerian Kewangan itu, dia ada. Dia datang kepada Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa syarikat menawarkan harga yang tinggi sebanyak RM43.5 juta, manakala pihak KPM pula menawarkan harga sebanyak RM27,541,935.93. Jadi atas itu MoF telah mendapatkan pengesahan peruntukan daripada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Siling peruntukan bagi projek ini adalah sebanyak RM40 juta sahaja.

Jadi oleh itu harga yang ditawarkan oleh pihak PTSB telah melebihi siling peruntukan yang telah diluluskan. Perkara ini telah menyebabkan pihak KPM memohon untuk meneruskan projek secara tender terbuka. Baki kerja terbengkalai bagi projek Pembinaan Sekolah Sukan Malaysia Perlis fasa satu secara tender terbuka bersama dengan projek Pembinaan Sekolah Sukan Malaysia Perlis fasa dua dalam satu kontrak yang sama. Maksudnya dia hendak cantumkan fasa satu dengan fasa dua. Jadi, tetapi...

Tuan Wong Chen: Okey, baik Dato'. Surat itu tarikh apa dan daripada siapa ke siapa?

Dato' Othman bin Semail: Ada surat-surat dia bagi, surat itu?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Pada 14 April 20... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Othman bin Semail: Ada surat-surat itu.

Tuan Wong Chen: *Microphone*, tekan *microphone*.

Dato' Othman bin Semail: Ada surat-surat itu. Jadi asas dia Yang Berhormat, saya hendak cerita, asas dia *wrongful termination* itu masih ada lagi dekat situ, masih lagi tidak bergerak.

Tuan Wong Chen: Apa yang saya *pick up* daripada surat itu Dato' Othman ialah KPM memang tidak sukalah, *not happy*.

Dato' Othman bin Semail: Ya, dia memang tidak *happy*. Akan tetapi pada pandangan MoF, masih dia tidak *address* lagi *wrongful termination* itu.

Tuan Wong Chen: Dia dua benda. Pertama dia tidak *happy*...

Dato' Othman bin Semail: Ya, ya betul.

Tuan Wong Chen: ...*Second*, yang apa Pantas minta itu jauh melebihi limit siling RM40 juta.

Dato' Othman bin Semail: Yes. Kita pun tidak bersetuju Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen: Jadi yang saya tidak faham ini kenapa kalau surat rasmi menunjukkan pendirian mereka, mereka tidak suka tetapi yang dikatakan oleh MoF sekarang, daripada *team* Dato' ini kata KPM yang *decide*, yang pilih dia balik. *It makes no sense*.

Dato' Othman bin Semail: KPM yang *decide*.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Itu untuk fasa satu... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Chen: Ini fasa satu lagi?

Dato' Othman bin Semail: Ya, ya.

Tuan Wong Chen: Ini bukan fasa dualah?

Puan Wong Shu Qi: Belum lagi.

Tuan Wong Chen: Okey, ya lah. Jadi saya minta tarikh surat yang Dato' Othman baca itu, bagi tarikh yang betul supaya boleh direkodkan dalam *Hansard* dengan baik.

Dato' Othman bin Semail: Tarikh dia 14 April 2017.

Tuan Wong Chen: Tahun 2017? *Second phase* lah ini.

Dato' Othman bin Semail: Masih *first phase*.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Fasa satu, masih fasa satu. Surat ini fasa satu...
[*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Wong Chen: Mengikut kronologi yang dibagikan pada kita, fasa dua ini permohonan melaksanakan pembinaan fasa dua dilakukan pada 18 Mac 2016. Jadi surat yang Dato' Othman baca tadi itu bertarikh 2017. Akan tetapi merangkumi isu tentang fasa satu.

Dato' Othman bin Semail: Dan fasa dua.

Tuan Wong Chen: Dan fasa dua. Akan tetapi *the state of mind of KPM* ataupun Menteri Pendidikan pada masa itu adalah jelas, *they are not happy. He is not happy about the limit, he is not happy about things*. Betul tidak? *I mean* surat itu jelas sekali menyatakan bahawa...

Dato' Othman bin Semail: Pada pandangan kita memang macam itu Yang Berhormat. Akan tetapi kita masih lagi nampak dia tidak *address* isu yang kita bangkitkan asal. Kita takut ada isu *wrongful termination*, itu isu dia. Jadi bila kita minta balik suruh dia runding, bila datang balik cadangan syarikat, sebanyak RM43 juta. Macam mana kita boleh setuju dengan...

Tuan Wong Chen: RM42 juta.

Dato' Othman bin Semail: ...RM42 juta, sebab skop asal pun kecil sahaja. Jadi itu sebabnya dia cadang RM27 juta. Apabila dia cadang RM27 juta, *then* kita angkat balikkah keputusan itu untuk dipertimbangkan oleh Menteri Kewangan.

Tuan Wong Chen: Akan tetapi hakikatnya kontrak yang diberi RM42 juta, betul tidak?

Dato' Othman bin Semail: Yang diberi ialah RM42 juta. Dia hendak yang asallah.

Tuan Wong Chen: Akan tetapi jelaslah tidak ada *council* ataupun *Federal Council*, *Attorney General* punya *advisory on this issue*. Memang tidak adalah?

Dato' Othman bin Semail: Memang tidak ada. Itu memang jelaslah.

Puan Wong Shu Qi: Okey, Tuan Pengerusi saya kembali ke memorandum yang kami baru dapat iaitu bertarikh 15 Februari 2012. Mantan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan ketika itu tandatangan sendiri dan kata bersetuju dengan opsyen ketiga.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Ya.

Puan Wong Shu Qi: Ya..iaitu ketika keputusan ini diambil oleh mantan Menteri Kewangan, sama ada alasan diberikan atas keputusan ini?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Tidak ada alasan yang diberikan melainkan hanya menyenaraikan syarikat-syarikat, permohonan-permohonan yang dikemukakan kepada MoF, sama ada daripada syarikat ataupun daripada Menteri Pelajaran sendiri. Kita juga menyenaraikan semula syarikat-syarikat yang dicadangkan untuk dipilih dan juga memberi opsyen kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada masa itu.

Puan Wong Shu Qi: Jadi keputusan ini diambil tanpa apa-apa perbincangan antara pegawai lain atau Dato' Fauziah dengan mantan Menteri Kewangan ketika itu?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Keputusan ini diambil setelah kita berbincang bersama pegawai dan juga kita bincang, *put up the memo* dan angkat kepada Menteri.

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Fauziah, apakah dasar pertimbangan Dato' dan juga pegawai Dato' apabila membuat opsyen satu, dua dan tiga ini?

■1600

Ini kerana apa yang saya nampak, untuk opsyen satu, sememangnya adalah untuk meluluskan kesemua 17 syarikat untuk tender terhad. Opsyen dua, dikurangkan kepada sembilan syarikat yang dicadangkan oleh Bumi Jelapang. Opsyen tiga, dikurangkan kepada tujuh syarikat yang dicadangkan oleh Bumi Jelapang Construction. Apakah asas pertimbangan? Ini kerana saya pun tidak nampak ada opsyen untuk katakan jangan hiraukan Bumi Jelapang, tetapi *opted* untuk Menteri Pelajaran punya cadangan.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Di sini kami hanya mengangkat kesemua rayuan oleh Menteri Pelajaran dan juga daripada syarikat. Juga memberikan opsyen yang telah diberikan ke atas kelulusan yang telah diberi dahulu, tetapi tidak disampaikan lagi kepada syarikat. Kita tidak ada orang kata, pertimbangan tertentu. Hanya memberi peluang, membuka peluang kepada semua yang hendak mengambil bahagian.

Tuan Wong Kah Woh: Akan tetapi untuk opsyen dua dan tiga, kenapa dikeluarkan opsyen untuk Menteri Pelajaran dan tidak ada opsyen untuk dikeluarkan cadangan daripada Bumi Jelapang? Itu sebab saya tanya, fasal kekeliruan saya. Apakah asas pertimbangan?

Dato' Fauziah binti Yaacob: Dalam opsyen dua itu, kita mengangkat sembilan sebab kita tidak sempat mengeluarkan keputusan kepada pihak syarikat ataupun kepada pihak KPM di sini. Kita hanya letak semua sembilan syarikat. Keputusan rasmi kepada KPM tidak dikeluarkan lagi pada masa ini. Jadi, kita angkat balik semua rayuan itu kepada Menteri Kewangan untuk pertimbangan semula.

Tuan Wong Kah Woh: *No.* Soalan saya adalah kenapa tidak ada satu opsyen untuk diluluskan permohonan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sahaja, 10 syarikat yang dibentangkan? *There is no option on that. Now, you have A and B to be chosen from. Option one*

is to choose A and B together. Option two and three is to choose A only. So soalan saya, apakah asas pertimbangan? Ini kerana apa yang saya nampak, you don't have an option untuk - only to choose B. Faham tidak?

Dato' Othman bin Semail: Faham.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Kata spesifik Menteri Pelajaran punya opsyenlah?

Tuan Wong Kah Woh: Ya.

Dato' Fauziah binti Yaacob: Akan tetapi di sini digabungkan semula... *[Disampuk]* Kita berdasarkan kepada keputusan asal yang telah dibuatlah untuk mempertimbangkan tujuh syarikat awal itu.

Tuan Wong Kah Woh: Itu keputusan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tidak ada apa-apa lagi soalan. Maka, saya hendak ucapkan terima kasih banyak kepada Dato' Othman bin Semail dan semua, Dato' Yaacob, Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah kerana hadir bersama di dalam prosiding – dan Dato' Fauziah binti Yaacob.

Tuan Wong Chen: Tan Sri tidak payah jawab soalan. *[Ketawa]*

Puan Wong Shu Qi: Atau Tan Sri tahu apa-apa boleh kongsi?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah [Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan]: *No. This one before me, year 2011.*

Tuan Pengerusi: Sebelum dia. Sebelum dia KSP. Dengan Dato' Fauziah binti Yaacob dan semua lah, Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz. Terima kasih atas kehadiran di hadapan PAC pada petang ini.

Dato' Othman bin Semail: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad selaku Pengerusi PAC. Kementerian Kewangan berharap bahawa penjelasan-penjelasan itu dapat memberikan penjelasanlah kepada PAC dan itu sahajalah. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.04 petang.]